



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
كلية الدراسات الإسلامية
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

AL-TURATH
Journal of al-Quran and al-Sunnah

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 8 ISSUE 1 2023

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/volume-8-no-1-2023/>


Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



**SA'ID HAWWA (1935-1989):
TOKOH MUFASSIR DAN SUFI HARAKI**
Sa'id Hawwa (1935-1989): A Prominent Exegete and Activist Sufi

Muhammad Adnin Azimi Shaki* & Wan Nasyrudin Wan Abdullah

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia

*Corresponding author: P110752@siswa.ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2023-0801-04>

Article history

Received:	Revised:	Accepted:	Published:
21/01/2023	08/03/2023	22/06/2023	30/06/2023

Abstrak

Sa'id Hawwa antara tokoh pejuang dari Syria pasca kejatuhan khilafah Uthmaniyyah. Beliau ialah salah seorang dari pemimpin besar gerakan Ikhwan al-Muslimin disamping terkenal sebagai sosok yang lantang melawan kolonisasi penjajah serta ideologi yang bertentangan dengan ajaran Islam. Namun, kesibukannya dengan gerakan ini seolah mengaburi sumbangan signifikan beliau dalam aspek keilmuan. Beliau ternyata seorang sarjana yang pakar dalam keilmuan agama. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menyerlahkan kepakaran beliau dalam ilmu khususnya menerusi bidang tafsir dan tasawuf. Kajian ini menggunakan metode kualitatif yang berbentuk analisis kandungan. Pengumpulan data diperolehi dari kandungan kitab, tesis dan artikel. Hasil kajian mendapati Sa'id Hawwa ialah seorang dari tokoh mufassir sekaligus ahli sufi yang aktif dalam gerakan harakah Islam. Sumbangan utama beliau dari gagasan dan teori kesatuan tema dalam al-Quran serta idea revivalisme dalam bidang tasawuf melayakkan beliau digelar sebagai mufassir serta sufi haraki dari period moden.

Kata Kunci: Sa'id Hawwa, *Mufassir*, Sufi, Haraki, Gerakan Ikhwanul Muslimin



Abstract

Sa'id Hawwa was one of the prominent figures from Syria following the collapse of the Ottoman Empire. He was regarded as one of the most influential leaders in the Muslim Brotherhood movement and was known for his staunch opposition to colonialism and ideologies that contradicted Islamic law. His dedication to this cause, however, often overshadowed his significant contributions in other areas. He emerged as an expert and highly knowledgeable scholar in religion. This study aims to highlight his specialization, particularly in the fields of Quranic exegesis and *tasawuf* (Sufism). A qualitative approach based on content analysis is employed in this study, with information gathered from books, theses, and journal articles. The results indicate that Sa'id Hawwa was both a *mufasssir* (Quranic commentator) and a sufi actively involved in the Islamic movement. His major contributions, including his revivalist thought in *tasawuf* and his theory of thematic unity in the Quran, establish him as both a *mufasssir* and a *haraki sufi* of the modern era.

Keywords: Sa'id Hawwa, *Mufasssir*, Sufi, Haraki, Muslim Brotherhood movement

PENGENALAN

Dunia Islam pasca keruntuhan khalifah menyaksikan pertumbuhan pesat gerakan Islam dari serata dunia. Gerakan ini ialah inisiatif dari tokoh agama yang mengangkat semangat perjuangan untuk menentang penjajahan. Kejatuhan empayar Turki Uthmaniyyah, setelah kekalahan dari Perang Dunia Pertama, meninggalkan kesan yang fatal terhadap umat Islam. Akibatnya, tanah dan naungan khilafah dibahagikan kepada sempadan tertentu mengikut persetujuan dari pakatan negara yang memenangi perang (Fildis 2011). Kemunculan tanah Syria ialah hasil dari percaturan politik oleh koloni dunia ketika itu (Biger 2016). Hasil perjanjian licik dari Sykes-Picot, Syria dengan lingkungan dan sempadan baru telah diserahkan kepada Perancis (Fildis 2011). Perjanjian ini ialah komplot dari kesepakatan antara pegawai British dan diplomat France. Ianya termeterai secara rasmi pada tahun 1920 ketika persidangan San Remo (Aaron 2016).

Sa'id Hawwa ialah anak yang membesar dalam era ini. Syria pada ketika itu sudah sedia diperintah oleh Perancis. Namun begitu, kemasukan Perancis dalam Syria pada peringkat awal mendapat tentangan hebat dari umat Islam disana. Bapa tokoh ini, Muhammad Hawwa, ialah seorang dari pejuang yang tidak terkecuali menentang keras penjajahan koloni (NorAzamudin 2004). Sifat ini justeru memberi kesan dalam pembinaan watak Sa'id Hawwa di awal usia. Era ini membentuk personaliti sosok ini. Melalui Muhammad al-Hāmid, Sa'id Hawwa mula terlibat dengan gerakan Ikhwān al-Muslimīn seawal usia 18 tahun. Al-Hāmid dan Sa'id Hawwa mempunyai ikatan guru dan murid yang kuat. Bahkan, al-Hāmid ialah individu utama yang mencorak ideologi dan pemikiran Sa'id Hawwa (Weismann 1993; Sa'id Hawwa 2009). Penglibatan Sa'id Hawwa dalam gerakan Ikhwān al-Muslimīn berlarutan sekitar dua puluh tahun (Weismann 1993).

Syria menjadi cawangan luar yang pertama dari Ikhwān al-Muslimīn. Ia diasaskan oleh Mustafa al-Sibāie setelah kepulangannya dari Mesir. Sa'id Hawwa menganggotai gerakan ini sehingga menjadi salah satu dari pimpinan tertinggi. Weismann (1993) menganggap Sa'id Hawwa sebagai individu yang cukup berpengaruh dalam mencorak strategi politik gerakan tersebut (Weismann 1993). Liku kehidupan Sa'id Hawwa dipenuhi dengan aktiviti jemaah Ikhwan. Ianya seolah mengaburi sisi kepakaran beliau dalam aspek yang lain. Jasa beliau terhadap dunia Islam tidak terbatas dalam aspek dakwah sahaja. Beliau turut mempunyai sumbangan signifikan dalam bidang keilmuan. Kajian ini bakal mencungkil aspek ini menerusi penelitian terhadap pemikiran tafsir dan sufi beliau.

Memorial Sa'id Hawwa direkodkan secara khusus oleh beliau sendiri menerusi penulisan *Hāzībi Tajribati Wa Hāzībi Shabādati*. Karya ini mencakupi perkembangan hidup beliau dari usia kecil sehingga akhirnya. Ia menjadi data primer untuk memberi gambaran terhadap faktor yang membentuk pembinaan watak tokoh ini. Kajian ini justeru akan terbahagi kepada dua bahagian. Latar belakang kehidupan beliau menjadi bahagian pertama dalam perbincangan. Manakala bahagian kedua akan menyentuh ketokohan dan sumbangan ilmiah beliau dalam dua bidang yang disebutkan lalu.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Pengumpulan data diperoleh daripada kandungan dokumen seperti kitab, jurnal, tesis dan prosiding. Sampel utama kajian ialah karya *Hāzībi Tajribati wa Hāzībi Shabādati*, *Siabah Fikriyyah fī Kitābāt al-Nukhab al-Da'wīyah* serta *Tarbiyyatuna al-Rubiab*. Pemilihan buku ini kerana ia memfokuskan tentang biografi Shaykh Sa'id Hawwa dan latar keilmuan serta sumbangannya dalam bidang al-Quran dan tasawuf.

Analisis Kajian Dan Perbincangan

Latar Belakang Sa'id Hawwa

Nama lengkap beliau ialah Sa'id bin Muhammad Bin Hawwa. Ayahnya bernama Muhammad Dib Hawwa dan Sai'd merupakan anak sulung beliau. Manakala ibu Sa'id Hawwa bernama 'Arabīyah al-Ta'ish (Sa'id Hawwa 2009). Terdapat beberapa riwayat tentang keturunan Muhammad Dib Hawwa. Antaranya soal susur galur yang menghubungkan keturunan Muhammad Dib dengan kabilah Na'im yang dipercayai berasal dari keturunan Nabi Muhammad SAW (Pisol 2000; Azmil 2015). Namun, Sa'id Hawwa tidak sempat untuk mengkaji kesahihan riwayat tersebut (NorAzamudin 2004).

Beliau dilahirkan pada 27 September 1935 di sebuah perkampungan yang dikenali sebagai al- 'Aliyyah yang terletak di sebelah selatan Hamah di Wilayah Hamah, Syria. Wilayah ini terletak lebih kurang 180 KM ke utara dari ibu kota Syiria, Damsyik (Pisol 2000). Sa'id Hawwa kehilangan ibunya ketika berumur 2 tahun, kemudian membesar di bawah asuhan bapa saudara dan neneknya sendiri (Sa'id Hawwa 2009; Jāsīm 2014). Bapanya, Muhammad Dib Hawwa ialah seorang *mujahiddin* dan terkenal sebagai pejuang yang gagah dan berani menentang penjajahan dari kolonis Perancis (Pisol 2000; Norazamudin 2004).

Pengajian

Sa'id Hawwa memulakan proses pendidikan melalui aturan neneknya (NorAzamudin 2004). Beliau memasuki madrasah al-Tatbīqiyyah ketika berusia tujuh tahun. Pembelajaran Sa'id Hawwa di sini dalam serba kedaifan berbekal pakaian usang. Beliau kerap kali dimarahi guru kerana penampilannya yang tidak menepati piawaian persekolahan sehingga hampir diberhentikan. Beliau turut mempelajari al-Quran seawal umur 5 tahun (Pisol 2000). Neneknya melatih Sa'id Hawwa membaca ayat Kursi sehingga dihafalnya sendiri. Beliau turut dihantar belajar al-Quran dengan seorang guru perempuan yang hafizah dan menamatkan bacaan sebelum memasuki sekolah rendah. (Pisol 2000; Norazamudin 2004)

Bapa beliau mengeluarkan Sa'id Hawwa dari sesi persekolahan ketika beliau berusia 8 tahun kerana faktor kemiskinan (Pisol 2000). Tetapi proses pembelajaran beliau tetap berterusan di bawah seliaan ayahnya. Sa'id Hawwa pada ketika itu membantu bapanya berniaga di pasar untuk menampung keperluan keluarga. Bapa Sa'id Hawwa bekerja sebagai orang tengah yang

memborong hasil di antara pemilik kebun dan sayuran dan menjual serta menghantarnya kepada peniaga yang berada di pasar (Sa'id Hawwa 2009).

Sa'id Hawwa sempat mempelajari ilmu matematik ketika beliau masih bersekolah. Beliau mengambil peluang ketika itu untuk memahirkan dirinya dalam pelajaran ini sehingga mampu untuk mengira nombor tanpa terlalu bergantung kepada alat tulis. Melalui usaha jual beli di pasar ketika membantu ayahnya berniaga, beliau menjadi seorang yang mahir dalam bidang matematik. Ayahnya turut membantu dalam mengasah kebolehan Sa'id Hawwa menulis dan mengira sehinggakan kemahiran beliau dalam bidang ini menjadi kebanggaan keluarga (Sa'id Hawwa 2009). Sifat suka membaca digarap oleh ayahnya. Pada peringkat permulaan, ayahnya memberikan buku cerita *'Antarah dan Sayf bin Zi Yasīn* kepadanya dan juga buku-buku lain yang kebanyakannya diisi dengan cerita-cerita rakyat (Sa'id Hawwa 2009). Hasil galakan ayahnya, Sa'id Hawwa menanam minat yang sangat mendalam terhadap aktiviti pembacaan.

Setelah berhasil mendapatkan ijazah *al-Shahādah al-Ibtidā'iyah*, Sa'id Hawwa meneruskan pengajiannya di peringkat menengah di sekolah *al-Shahādah al-I'dā'iyah di Thānawīyyah Ibn Rusyd*. Selesai pengajian menengah, beliau menyambung pengajian ke peringkat universiti di Fakulti Syariah yang baru dibuka di Damsyik (NorAzamudin 2004) Beliau berjaya menamatkan pengajiannya di peringkat universiti pada tahun 1961 seterusnya menyertai kem latihan ketenteraan pada tahun 1963 (Jāsīm 2014).

Guru

Sa'id Hawwa mempunyai ramai guru sepanjang proses pembelajarannya. Guru beliau terdiri daripada kalangan yang mengajarnya di peringkat institusi pendidikan formal dan juga di madrasah dan masjid. Fasa belia Sa'id Hawwa dihiasi majlis ilmu dan pembacaan berkat bapanya yang menanam sifat cintakan pengetahuan sejak kecil. Antara guru utama beliau ialah Shaykh Muhammad al-Hāmid. Sa'id Hawwa menyifatkan gurunya ini sebagai figura utama dalam membentuk peribadi beliau (Sa'id Hawwa 2009). Keghairahan menuntut ilmu serta kecintaan terhadap ulama dalam diri Sa'id Hawwa adalah hasil asuhan guru ini. Manakala guru seterusnya ialah Shaykh Muhammad al-Hashimi. Al-Hāshimi ialah ketua bagi tarekat al-Darqāwīyah di Dimashq yang berasal dari Algeria. Dua guru ini memberi impak yang cukup besar dalam kehidupan dan rohani Sa'id Hawwa (Pisol 2000; Sa'id Hawwa 2009).

Beliau berpeluang belajar dari sarjana terkemuka di Syria pada ketika itu seperti Shaykh Abd al-Wahab Dibs, Shaykh Abd al-Karim al-Rifāie, Shaykh Ahmad al-Murād, Shaykh Muhammad Ali al-Murād (Abdullah 'Aqīl 2008). Di peringkat universiti, beliau sempat berguru dengan Dr. Mustafa al-Sibā'ie (1915-1954), Dr. Muhammad al-Mubārak (1914-1981), Shaykh Mustafa al-Zarqa' (1904-1999), Ustaz Mustafa Khan, Shaykh Muntasar al-Kattani, Ustaz Umar al-Hakim (1916-1973), Ustaz Salih al-Ashtar, Dr. Ahmad Sha'ban al-Misri, Dr. Zaki Abd al-Bar, Dr Ahmad al-Samman, Dr. Fawzi Faidhullah, Dr. Ma'ruf al-Duwalibi dan Shaykh Bahjat al-Baitar (NorAzamudin 2004).

Beliau turut mengambil *istifadah* dari sarjana Islam lain menerusi halaqah pengajian yang diadakan di masjid mahupun madrasah yang ada. Mereka adalah seperti Mullā Ramadhān al-Būti, Shaykh Ibrahīm al-Ghalāyīni, Shaykh Yahya al-Sabbagh, Shaykh 'Abd al-Qādir 'Isā, Shaykh Hasan Habannakah al-Mīdāni, Shaykh Sa'id al-Burhāni, Shaykh Ahmad al-Tilmisani, Shaykh Ahmad al-Harun, Shaykh Bashir Qahwujī, Shaykh Abdullah al-Harari, Shaykh Abdul Fattah Abu Ghuddah, Shaykh Abd al-'Aziz Bin Baz dan juga Shaykh Wahbi al-Ghawujī. Guru Sa'id Hawwa terdiri dari pakar al-Quran, bahasa, fiqh, tasawuf, dakwah dan juga *muryid* tarekat. Kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu sejak kecil menjadikan beliau seorang alim ulama sebaris sarjana Islam yang lain pada zamannya.

Karya

Sa'id Hawwa ialah seorang penulis yang produktif. Beliau tokoh yang produktif dalam menghasilkan khazanah dalam keilmuan Islam. Karya beliau mencakupi bidang akidah, tafsir, *sirah*, tasawuf dan juga penulisan artikel Islam. Abdullah 'Āqil (2008) menganggap Sa'id Hawwa antara sarjana Islam kurun 20 yang banyak menghasilkan karya penulisan (Abdullah 2008). Jāsīm (2014) menyatakan bahawa kuantiti karya dihasilkan Sa'id Hawwa dalam jumlah yang banyak disebalik kesibukan tugas ilmu dan dakwah (Jāsīm 2014). Karya Sa'id Hawwa dibahagikan kepada beberapa kategori seperti berikut:

Siri al-Uṣūl

1. Kitab: Allah Jallā Jalāluh
2. Kitab: al-Rasūl
3. Kitab: al-Islām

Siri al-Asās fi al-Minhāj

1. Al-Asās fi al-Tafsīr
2. Al-Asās fi al-Sunnah wa Fiqhuhā
3. Al-Asās fi Qowā'id al-Ma'rīfat wa Dhawābit al-Fahmi li al-Nusūs

Siri *Tarbiyah*, *Tazkiyah* dan Sulūk

1. Tarbiyyatunā al-Rūhiyah
2. Al-Mustakhlās Fi Tazkiyah al-Anfus
3. Muzakkirāt Fi Manāzil al-Siddiqīn wa al-Rabbāniyyīn

Siri Fiqh al-Da'wah dan Amal Islami

1. Jundullah Thaqāfatan wa Akhlāqan
2. Jundullah Takhtitān
3. Jundullah Tanzīman
4. Min Ajli Khutwah ila al-Amām 'ala Tariq al-Jihād al-Mubārak
5. Al-Madkhal ila Da'wah al-Ikhwān al-Muslimīn
6. Fi Afāq al-Ta'ālīm
7. Hazihī Tajribatī wa Hazihī Shahādati
8. Jaulāt fi al-Fiqhain al-Kabīr wa al-Akbar
9. Fusūl fi al-Imarāt wa al-Amīr
10. Durūs fi al-'Amal al-Islāmi
11. Kai Lā Namdhi Ba'īdan 'an Ihtiyājāt al-'Asr, menghimpunkan 11 risalah;
 - a. Ihyā' al-Rabbāniyyah
 - b. Al-Ijābāt
 - c. Muntalaqāt Islamiyyah Jadīdah
 - d. Akhlaqīyyāt wa Sulūkiyyāt
 - e. Fa al-Natazakkir fi 'Asrinā
 - f. Al-Sirah bi Lughāt al-Hubb wa al-Syī'r
 - g. Al-Khumainiyyah wa al-Shuzūz fi al-Mawāqif
 - h. Ijāzah Takhassus al-Du'ah
 - i. Qawanīn al-Bait al-Muslim
 - j. Ghazā' al-'Ubūdiyyah
 - k. 'Aqd al-Qarn al-Khāmis 'Ashr al-Hijri

Penulisan Sa'id Hawwa ialah saksi terhadap kesungguhan beliau dalam ilmu dan dakwah. Kualiti dan kuantiti karya yang beliau hasilkan dalam lingkungan umur 55 tahun dianggap perkara yang menakjubkan. Hal ini merupakan kurnia Allah SWT kepada hambaNya yang ikhlas berkhidmat untuk agama (Jāsīm 2014).

Dinamika Mufassir Dan Sufi Haraki

Latar kehidupan Sa'id dari rekod lalu telah membuktikan bahawa beliau antara ilmuan Islam yang pakar dalam agama. Dalam pada itu, beliau berjaya menghasilkan sejumlah karya yang mencakupi pelbagai bidang dalam ilmu Islam.

Namun, kepakaran beliau menyerlah dalam bidang tafsir dan sufi. Dalam ilmu tafsir, beliau telah menghasilkan sebuah karya berjudul *al-Asās fi al-Tafsīr* sebanyak sebelas jilid (Jāsim 2014). Karya ini ialah sebuah karya magnum opus miliknya dalam bidang al-Quran. *Al-Asās* mempunyai keistimewaan tersendiri sehingga ianya layak dianggap sebagai salah satu dari kitab tafsir moden dalam dunia Islam. Ianya sekaligus meletakkan Sa'id Hawwa sebaris dengan sarjana mufassir sezamannya dari Syed Qutb, al-Maudūdi, al-Shanqīti dan lainnya (Fadhl 2016).

Manakala, Sa'id Hawwa turut menjadi spesialis dalam bidang kesufian. Pemikiran sufi beliau telah dicurahkan melalui penghasilan karya dari siri tarbiah, *taẓkiyah* dan *suluk*. Siri ini menghimpunkan tiga karya dari judul *Tarbiyyatunā al-Rūbiyah*, *al-Mustakblas fi Taẓkiyah al-Anfus*, serta *Muṣakkiṛāt fi Manāzil al-Siddiqīn wa al-Rabbāniyyīn*. Pengalaman dalam kesufian serta rehlah kerohanian bawah asuhan *mashayikh* tarekat yang ada di Syria ketika itu membentuk fikir sufi Sa'id Hawwa. Implikasinya, elemen kesufian berpasak kemas dalam diri sosok ini.

Menurut Azmil (2015), sumbangan utama Sa'id Hawwa dalam tasawuf ialah gagasan beliau untuk mengintegrasikan ilmu ini dengan perspektif ilmu Islam yang lain (Azmil 2015). Ianya terbukti melalui penulisan karya *al-Asās*, sebuah kitab tafsir al-Quran yang sarat dengan sentuhan ilmu tasawuf dari penafsiran Sa'id Hawwa (Septiawadi 2010; Fadhl 2016).

Ketokohan Dalam Ilmu Tafsir Dan Tasawuf

Mufassir

Sa'id Hawwa terkenal sebagai sarjana tafsir dari abad dua puluh. Beliau telah menulis sebuah karya dalam bidang tafsir al-Quran iaitu *al-Asās fi al-Tafsīr*. Karya ini ialah bahagian dari siri *al-Asās fi al-Minhāj*. Ia dihasilkan sebanyak sebelas jilid berdasarkan cetakan Dār al-Salām, Mesir. Menurut Imron (2013) dan Jāsim (2014), *al-Asās fi al-Tafsīr* adalah karya magnum opus milik Sa'id Hawwa dari keseluruhan karya yang dihasilkan (Imron 2013, Jāsim 2014).

Tambahan, penulisan kitab tafsir ini adalah ketika beliau berada dalam penjara (Sa'id Hawwa 2003, Jāsim 2014). Keberadaan dalam penjara mengehadkan bahan rujukan dari ilmu tafsir. Namun, karya Ibn Kathīr, al-Nasafī, al-Alūsi serta Syed Qutb menjadi sumber utama dalam penulisan *al-Asās* (Sa'id Hawwa 2003). Selain itu, beliau turut memuatkan pandangan lain dari sarjana tafsir semisal al-Qurtūbi, al-Baidhāwī, serta al-Rāzi (Fadhl 2016).

Sa'id Hawwa (2003) mempunyai matlamat tertentu dalam menulis karya ini. Umumnya, dorongan untuk menulis *al-Asās fi al-Tafsīr* adalah seperti penulisan lain dalam siri *al-Asās fi al-Minhāj*. Ianya kerana beberapa sebab. Antaranya:

1. Menolak fahaman yang berpegang kepada al-Quran sahaja disamping menolak autoriti al-Sunnah sebagai sumber dalam Islam.
2. Keperluan untuk memahami al-Sunnah dengan kefahaman yang benar.
3. Menjawab tohmahan dan kritikan yang timbul dari era terkini serta tidak disentuh oleh ilmuan terdahulu.
4. Sanggahan terhadap ideologi yang mempertikai kehujahan al-Sunnah dalam agama (Sa'id Hawwa 2003; Jāsim 2014).

Sa'id Hawwa telah meletakkan empat bahagian besar dari rangka penafsiran beliau dalam al-Asās (Imron 2013). Struktur penyusunan dalam al-Asās meletakkan surah al-Fātihah sebagai permulaan diikuti empat pembahagian dasar dari perbincangan tafsir. Klasifikasi ini terdiri dari *Qism al-Tiwāl*, *Qism al-Miḥn*, *Qism al-Mathānī* dan *Qism al-Mufasssāl* (Imron 2013; Fadhl 2016).

Keistimewaan utama karya ini ialah gagasan Sa'id Hawwa dalam mengenengahkan aspek kesatuan tema al-Quran (*wehdah al-Qurān*) sebagai satu dari mukjizat al-Quran. Sa'id Hawwa (2003) melalui penghematannya mendakwa tentang ketiadaan sarjana yang membincangkan aspek relasi di dalam al-Quran secara menyeluruh khususnya pada masa kini (Sa'id Hawwa 2003). Teori *wehdah al-Qurān* menjadi fokus utama beliau ketika menjalankan proses penafsiran ayat al-Quran dalam al-Asās. Namun, Fadhl Hasan telah mengkritik dakwaan tokoh ini. Fadhl (2016) berhujah bahawa karya al-Biqā'ie berjudul *Nazm al-Durār fi Tanāsuh al-Āyāt wa al-Sumār* sedang dicetak sewaktu penulisan al-Asās (Fadhl 2016). Ini menunjukkan bahawa Sa'id Hawwa bukanlah satunya tokoh dari zaman beliau yang menyentuh perbincangan kesatuan tema al-Quran seperti dakwaan beliau yang lalu.

Manakala, Sa'id Hawwa telah memposisikan surah al-Baqarah sebagai tunjang utama dalam pelaksanaan teori kesatuan al-Quran miliknya. Menurut Fadhl (2016), penafsiran dengan kerangka ini ialah satu perkara yang tidak tepat. Ini kerana, setiap surah dalam al-Quran mempunyai relasi dan kaitan tersendiri antara satu sama lain. Justeru, mengkhususkan relasi setiap surah dengan surah al-Baqarah seolah membataskan keluasan perbincangan munasabah al-Quran (Fadhl 2016). Karya tafsir ini tidak sebatas soal kesatuan tema dalam al-Quran. Ianya juga sebuah karya tafsir kontemporari yang menyentuh isu akidah, fiqh, spiritual, sosial kemanusiaan serta aspek pendidikan (Imron 2013). Tujuan utama dari penulisan ini, bahkan dari seluruh karya Sa'id Hawwa ialah agar umat Islam kembali berpegang dengan ajaran al-Quran yang sebenar dalam kehidupan (Sa'id Hawwa 2003).

Terdapat beberapa elemen yang wujud dalam penulisan al-Asās. Antaranya ialah elemen dakwah, sufistik, dan juga haraki (Septiawadi 2010; Masyhuri 2012; Haziyah 2014). Menurut Fahmi (2015), penafsiran Sa'id Hawwa turut dipengaruhi oleh pola pemikiran pengasas Ikhwān al-Muslimīn, Hasan al-Banna (Fahmi 2015). Pengaruh Syed Qutb turut menghiasi corak penafsiran Sa'id Hawwa. *Fī Zilāl* ialah satu dari sumber rujukan utama dalam penulisan al-Asās seperti kenyataan Sa'id Hawwa di bab akhir dalam tafsir ini (Sa'id Hawwa 2003). Bahkan, Fadhl (2016) melalui analisisnya mendapati rujukan Sa'id Hawwa dari *Fī Zilāl* adalah melebihi dari tafsir al-Alūsi (Fadhl 2016). Hal ini menandakan kekeliruan dari aspek persamaan antara dua tafsir moden ini. Namun, Haziyah (2014) mendakwa bahawa al-Asās dan *Fī Zilāl* mempunyai perbezaan ketara sekalipun terdapat persamaan antara dua karya ini (Haziyah 2014).

Sa'id Hawwa mempunyai kecenderungan terhadap corak penafsiran sufistik dalam al-Asas. Beliau makruf sebagai sosok yang minat dalam bidang kesufian dan ilmu tasawuf. Justeru, kewujudan elemen sufistik dalam al-Asās ialah suatu perkara yang tidak asing. Ianya terbukti dari kajian analitikal Septiawadi (2010). Dapatan kajian ini membuktikan Sa'id Hawwa merujuk dan menukil dari sarjana tafsir semisal Ibn Kathīr, al-Alūsi, dan al-Nasafī. Penafsiran sufistik beliau mirip dengan al-Tustāri yang menggunakan metode tafsir *ishari* (Septiawadi 2010). Abdullah Weis (1987) pula telah menobatkan karya al-Asās sebagai representasi utama bagi keseluruhan khazanah kitab tafsir abad 15 hijrah. Ianya susulan dari karya *Fī Zilāl* yang menurutnya kitab tafsir agung dari abad 14 hijrah (Sa'id Hawwa 2009; Jāsīm 2014). Selanjutnya, Abdullah telah merumuskan beberapa keistimewaan tafsir ini. Antaranya:

1. Teori kesatuan tema al-Quran yang dipersembahkan secara lengkap buat julung kali.
2. Sumber rujukan yang berautoriti tinggi dari karya klasik sarjana tafsir terdahulu.
3. Huraian penting yang tidak keluar dari skop perbincangan tafsir.

4. Penekanan tentang relasi umat Islam dengan al-Quran serta kefahaman yang benar terhadap isi kandungannya.
5. Olahan yang ringkas dan padat.

Keistimewaan lalu menunjukkan kemutuan tinggi karya al-Asās. Tetapi, Fadhl (2016) turut mengkritik beberapa aspek yang telah disebutkan Abdullah lalu. Antaranya dakwaan bahawa al-Asās tidak menyentuh hal yang luar dari perbincangan tafsir. Fadhl (2016) berpandangan bahawa Sa'id Hawwa telah memasukkan diskusi puasa yang tidak ada relasi dengan tafsir ketika penafsiran ayat puasa dari surah al-Baqarah. Menurut Fadhl (2016) ianya suatu yang kontradik dari kenyataan Sa'id Hawwa (2003) sendiri yang diungkap di awal al-Asās sekaligus mempersoalkan dakwaan Abdullah lalu (Fadhl 2016).

Namun, al-Asās tetap sebuah kitab tafsir yang memenuhi ciri kitab tafsir. Dalam *al-Tafsir wa al-Mufasssirin*, Fadhl (2016) menamakan Sa'id Hawwa sebagai salah satu dari tokoh *mufasssirin* abad moden. Sa'id Hawwa sebaris dengan gergasi *mufasssirin* Islam lain semisal Muhammad Abduh (1905), Rashid Ridha (1935), al-Maraghī (1945) dan al-Mawdūdī (1979). Fadhl (2016) dengan kritikan atas karya ini, tetap mengklasifikasikan ia dari kitab tafsir baharu dalam dunia Islam (Fadhl 2016). Sumbangan signifikan dalam bidang tafsir khususnya melalui teori kesatuan tema al-Quran justeru melayakkan Sa'id Hawwa sebagai seorang dari tokoh *mufasssirin* dalam kalangan sarjana Islam. Al-Asās dari karya Sa'id Hawwa ialah hasil *masterpiece* dari beliau. Ianya menjadi sumbangan besar dari sosok ini khususnya untuk khazanah keilmuan umat Islam dalam bidang tafsir al-Quran.

Sufi Haraki

Sa'id Hawwa mempunyai kecenderungan terhadap bidang kesufian. Jāsīm (2014) menyifatkan Sa'id Hawwa seorang tokoh yang beramal dengan ilmu tasawuf berlandaskan panduan al-Quran dan al-Sunnah (Jasim 2014). Azmil (2015) mendapati latar kesufian Sa'id Hawwa terbentuk dari beberapa faktor semisal kekeluargaan, sosio-budaya tempatan, serta keterlibatan dalam bidang kesufian dan jemaah Ikhwan (Azmil 2015). Namun, kecintaan terhadap ilmu kesufian adalah hasil didikan guru utama beliau iaitu Shaykh Muhammad al-Hāmid dan Shaykh Muhammad al-Hāshimi. Ikatan rohani antara guru dan murid ini adalah faktor utama yang membentuk personaliti sufi Sa'id Hawwa (Sa'id Hawwa 2009; Azmil 2015).

Kajian ini justeru menekankan aspek genealogi keilmuan Sa'id Hawwa yang menjadi teras dalam pembentukan watak kesufian Sa'id Hawwa. Historis dan latar dua guru utama dalam bidang kerohanian dari al-Hāmid dan al-Hāshimi mencorak pola pemikiran sufi Sa'id Hawwa. Al-Hamid misalnya yang mengintegrasikan tradisi kesufian dan amal Islam, disamping al-Hashimi yang menekankan konsep amal dan jihad ('Abd al-Qadir 2007; Sa'id Hawwa 2009).

Perkenalan awal Sa'id Hawwa dengan bidang kesufian adalah melalui pembacaan *Ihyā' Ulumuddīn*, karya al-Ghazālī (Sa'id Hawwa 2009). Di usia remaja, beliau turut menekuni karya berat semisal Etika *Nicomachean* oleh Aristotle, karya Plato, Nietzsche dan *Insān al-Kāmil* oleh al-Jīlī (Weismann 1993; Mawaddah & Haziyah 2016; Sugeng 2020). Tetapi, al-Ihyā ialah karya kegemaran beliau (Sugeng 2020). Magnum opus al-Ghazālī telah mempengaruhinya untuk meninggalkan dunia kemewahan, beramal dengan ajaran sufi. Perjalanan kesufian Sa'id Hawwa seterusnya dibimbing oleh al-Hāmid menerusi halaqah pengajian yang beliau lazimi (Azmil 2015).

Sa'id Hawwa mempunyai ramai guru dalam bidang kesufian. *Halaqah* kesufian dan majlis zikir adalah rutin wajib baginya dalam fasa menuntut ilmu. Beliau mendalami ilmu tasawuf dengan tokoh seperti Mullā Ramadhan al-Būti, Shaykh Sa'id al-Nu'sān, serta Shaykh Ibrāhīm al-Ghalāyīni (Sa'id Hawwa 2009; Azmil 2015). Sa'id Hawwa turut mempunyai ijazah aneka tarekat dari guru kesufian yang ada di Syria ketika itu. Beliau menerima ijazah tarekat al-Naqshābandiyyah dari

gurunya al-Hāmid, al-Darqāwīyah dari al-Hāshimi, al-Shādhiliyyah dari ‘Abd al-Qādir ‘Isa, ijazah dari Shaykh Muhammad ‘Ali al-Murād dan juga Shaykh Abd al-Karīm al-Rifā’ie (NorAzamudin 2004; Sa’id Hawwa 2009; Haziyah 2014; Azmil 2015).

Namun, perwatakan sufi Sa’id Hawwa umumnya terbentuk daripada pengaruh al-Hāmid dan al-Hāshimi. Al-Hāmid merupakan tokoh sufi dari kota Hamah, Syria. Ayahnya, Mahmud al-Hāmid ialah ketua bagi tarekat Naqshābandi selain bertugas menjadi guru untuk komuniti Hamah. al-Hāmid mula mendalami ilmu agama di kota Hamah dan Aleppo. Setelah itu, beliau ke Mesir untuk melengkapkan ijazah pengajian Syariah di universiti al-Azhar (Weismann 1993).

Al-Hāmid terdedah kepada bidang kesufian dari awal usia. Namun, beliau sempat mengalami transisi antara sufi dan salafi. Beliau mengenali tarekat dan sufi secara langsung dari ayahnya. Di usia remaja, beliau terpengaruh dengan gerakan *salafīyyah* di Hamah yang dikepalai bapa saudaranya sendiri, Sa’id al-Jabi. Gerakan ini menentang keras aliran sufi yang dianggap bertentangan dengan peraturan agama (Weismann 1993). Di Aleppo, al-Hāmid bertemu dengan Abu al-Nasr Khalaf, tokoh dan *murshid* sufi bagi tarekat Naqshābandi. Pertemuan ini mengubah kembali kecenderungan al-Hāmid kepada aliran sufi. Al-Nasr meninggalkan pengaruh yang kuat sehingga membentuk pola pemikiran sufi al-Hamid persis gurunya.

Keberadaan di Mesir memperkenalkan al-Hāmid dengan Hasan al-Banna, pengasas Ikhwān al-Muslimīn. Beliau turut bertemu dengan Mustafa al-Sibā’ie yang seterusnya mengasaskan cawangan pertama gerakan ini di Syria. Tempoh ini membentuk personaliti harakah al-Hamid yang akhirnya terlibat secara langsung dengan percaturan politik dan proses pertubuhan awal Ikhwān di Syria (Weismann 1993). Ikatan antara al-Hāmid dengan Sa’id Hawwa ialah ikatan guru dan murid. Perkenalan mereka di sekolah menengah Ibn Rushd di wilayah Hamah. al-Hāmid menjadi tenaga pengajar di sana dengan mengajar subjek pendidikan agama (Weismann 1993). Sa’id Hawwa menganggap al-Hamid sebagai guru *futub* beliau dalam pengajian agama serta tradisi kesufian (Sa’id Hawwa 2009). Beliau turut menerima ijazah amalan tarekat Naqshābandi dari al-Hamid serta keizinan untuk beramal dengannya (Sa’id Hawwa 2009; Azmil 2015).

Guru utama kesufian Sa’id Hawwa yang seterusnya ialah Muhammad bin Ahmad al-Hāshimi. Al-Hāshimi berasal dari kota Tlemcen, Algeria. Algeria pada awal usia al-Hāshimi sedang dijajah oleh Perancis. Pemerintahan kejam koloni dengan dasar yang menekan institusi ulama akhirnya memaksa beliau untuk berhijrah keluar dari tanah kelahirannya (‘Abd al-Aziz 1996; ‘Abd al-Qadir 2007; Norazamudin 2004). Al-Hāshimi dengan gurunya, Muhammad bin Yallas, telah berhijrah ke Dimashq pada tahun 1911. Muhammad merupakan pemimpin tarekat Darqāwi di Tlemcen. Beliau turut mengambil ijazah tarekat Shādhili dari gurunya, al-Dukāli. Muhammad sempat menyebarkan amalan tarekat Darqāwi ketika di Tlemcen disamping menjadi ketua shaykh bagi tarekat Shādhili di Syria (‘Abd al-Aziz 1996; NorAzamudin 2004).

Al-Hāshimi berdamping dengan Muhammad dari fasanya di Tlemcen sehingga gurunya meninggal di Dimashq. Suhbah ini melayakkan al-Hāshimi untuk menerima ijazah tarekat dari Muhammad. Beliau turut menerima ijazah amalan dari Ahmad al-‘Alawi, pendiri tarekat Darqāwi Alawi (‘Abd al-Qadir 2007). Che Zarrina & Sharifah Fatimah (2014) dan Azmil (2015) mendakwa bahawa Sa’id Hawwa telah menerima ijazah tarekat Darqāwi dari al-Hāshimi (Che Zarrina & Sharifah Fatimah 2014; Azmil 2015). Namun, pengkaji mendapati Shaykh al-Hāshimi ialah tokoh bagi tarekat Shādhili Darqāwi. Aliran tarekat ini ialah satu cabang dari pecahan tarekat Shādhili. Manakala, Sa’id Hawwa melalui *Hāzībi Tajribati* tidak menyebutkan secara khusus penerimaan aliran tarekat tertentu dari al-Hāshimi. Justeru, dapatan Che Zarrina & Sharifah Fatimah (2014) dan Azmil (2015) tidak konkrit dan menyeluruh. Melalui historis perguruan Sa’id Hawwa dan al-Hāshimi, Sa’id Hawwa justeru menerima ‘pengaruh’ aliran tarekat Shādhili Darqāwi dari gurunya

ini. Beliau turut mempunyai shaykh yang lain dari kumpulan tarekat ini semisal Sa'id al-Burhānī, 'Abd al-Qādir 'Isa, serta Bashīr al-Qahwujī.

Pengkaji cenderung beranggapan bahawa Sa'id Hawwa telah menerima amalan tarekat Shādhili Darqāwi dari guru ini. Ia sejajar dengan dapatan Haziyah (2014) yang menunjukkan pengamalan zikir Sa'id Hawwa lebih mirip kepada amalan tarekat Shādhili. Selain itu, aliran tarekat yang mendominasi perwatakan sufi sosok ini ialah Naqshābandi dari al-Hāmid dan al-Ghalāyīni, Shādhili Darqāwi dari al-Hāshimi dan 'Abd al-Qadir 'Isa.

Pengaruh daripada al-Hāmid dan al-Hāshimi menjadi faktor utama dalam pembentukan watak dan pemikiran sufi Sa'id Hawwa. Dua figura ini jelas diakui beliau sebagai individu yang mencorak hidupnya (Weismann 1993; Sa'id Hawwa 2009). Idea pemikiran sufi haraki ini bukan hasil teori dan gagasan baru dari Sa'id Hawwa. Ianya adalah curahan dari kerangka pemikiran guru kesufian beliau yang menekankan aspek dan kesinambungan antara tasawuf dan amal. Al-Hāmid dan al-Hāshimi dua tokoh sufi yang sinonim dengan aspek jihad Islami (Weismann 1993; 'Abd al-Qādir 2007). Al-Hāmid berpegang kepada aliran tarekat Naqshābandi yang menekankan ahlinya soal iman dan amal (Weismann 1993). Al-Hāshimi pula ialah tokoh Shādhili Darqāwi sekaligus seorang pejuang yang menentang penjajahan ('Abd al-Qādir 2007). Latar kedua guru ini membentuk fikir sufi Sa'id Hawwa yang berteraskan dinamika antara kesufian dan harakah perjuangan.

Sa'id Hawwa dikenali sebagai seorang sufi haraki. Azmil (2015) menambah bahawa Sa'id Hawwa berusaha untuk membuat revivalisme dalam bidang kesufian. Usaha ini terarah kepada pengintegrasian antara tasawuf dan perjuangan. Aspek sufi haraki beliau jelas terbukti dari pertikaian dengan al-Ghalāyīni dalam isu khalwat serta kritikan keras terhadap faham dangkal sesetengah ahli sufi (Sa'id Hawwa 1999; 2009). Perspektif tasawuf Sa'id Hawwa ialah berdasarkan gabungan tasawuf dan perjuangan. Idea ini telah dijelaskan secara terperinci melalui penghasilan siri tarbiah, *taẓkiyah* dan suluk miliknya. Menurutnya, tradisi sufi tidak terasing dari amal islami dan jihad. Bahkan dua aspek ini mempunyai kesinambungan secara langsung dan rekonsiliasi yang utuh (Sa'id Hawwa 1999).

Idea revivalisme beliau jelas dipengaruhi oleh dua guru kesufian lalu. Namun, usaha ini diketengahkan secara langsung dalam bidang harakah Islamiah, selaras dengan penglibatan beliau di peringkat tertinggi dalam jemaah Ikhwān al-Muslimīn. Gagasan sufi haraki beliau mendapat pengaruh lebih meluas dalam dunia Islam. Aliran salafi khususnya di Saudi mula menerima pembawakan sufi dari Sa'id Hawwa yang memfokuskan aspek penyucian jiwa (NurZainatul et al 2019).

Sisi kesufian Sa'id Hawwa tidak terbatas pemahaman dari teori ajaran kitab tasawuf. Beliau memupuk ajaran kesufian dalam diri dan ahli keluarga terdekat. Praktik sufi Sa'id Hawwa terbukti melalui disiplinnya dalam mengamalkan *aurad* harian setiap hari. Zikir atau *aurad* yang *ma'thur* dibaca setelah selesai menunaikan solat fardhu (Jāsīm 2014). Beliau turut mempunyai wirid khusus yang diamalkan setiap hari dari sejuzuk bacaan al-Quran dan seratus kali dari *istighfar*, tahlil dan selawat (Mawaddah & Haziyah 2016). Kecintaan Sa'id Hawwa dalam dunia kesufian diterjemahkan melalui amal harian dan pena penulisan. Rutin kehidupannya ialah cerminan dari esensi ajaran tasawuf yang beliau pegangi. Sa'id Hawwa menekankan disiplin dalam pengamalan zikir harian (Jāsīm 2014). Ini kerana, Sa'id Hawwa menganggap zikir adalah bekalan kerohanian utama dalam diri seorang muslim (Sa'id Hawwa 1999). Menurutnya, zikir ialah alat utama penyucian jiwa setelah ilmu. Ianya sejajar dengan pegangan tradisi kesufian.

Menilai material kehidupan, Zuhayr al-Shāwish menyifatkan Sa'id Hawwa seorang yang zuhud. Rumah beliau dilengkapi alat perabot yang tidak melebihi dari keperluan asas. Pakaiannya

seperti orang biasa. Beliau tidak bermewah dengan makanan mahal. Sikap zuhud Sa'id Hawwa adalah cerminan dari nilai tasawuf yang beliau praktikkan dalam kehidupan harian (Abdullah 'Aqil 2008).

Penulisan beliau sarat dengan unsur kesufian. Sudut tafsir, Septiawadi (2010), Fadhl (2016) dan Mhd. Idris (2016) membuktikan unsur ini dari penafsiran beliau menerusi al-Asās fi al-Tafsīr. Namun, gagasan utama beliau dalam bidang kesufian dicurahkan menerusi karya yang terdapat dalam siri *Tarbiyah*, *Tazkiyah* dan *Sulūk*. Siri ini mengandungi tiga buah buku iaitu *Tarbiyyatuna al-Rūbiyyah*, *al-Mustakhlās fi Tazkiyah al-Anfus* dan *Muzakkirāt fi Manāzil al-Siddiqīn*. Siri ini adalah usaha Sa'id Hawwa dalam mengengahkan idea beliau dalam ilmu tasawuf terhadap masyarakat umat Islam kini. Beliau di awal penulisan *Tarbiyyatuna al-Rūbiyyah* telah menyatakan beberapa sebab yang mendorong untuk menghasilkan siri ini. Antaranya ialah:

1. Keperluan gerakan Islam untuk memahami aspek tasawuf dengan kefahaman yang benar.
2. Kekurangan karya dalam bidang tasawuf yang berlandaskan akidah ahli Sunnah dan mazhab fekah.
3. Kecuaian penulis kitab tasawuf yang menjadikan ilmu ini sebagai ilmu yang khusus untuk kelompok tertentu disamping pengolahan dengan laras bahasa yang susah.
4. Campur aduk ilmu tasawuf dengan perkara yang salah seperti mitos dan amalan tertentu yang menjadi fitnah terhadap ilmu ini.
5. Kefahaman dangkal ahli sufi dan pendokong harakah yang mengasingkan dua sisi penting ini dalam agama.

Sa'id Hawwa mempersembahkan idea utama beliau tentang tasawuf menerusi karya *Tarbiyyatuna al-Rūbiyyah*. Manakala, penulisan *al-Mustakhlās fi Tazkiyah al-Anfus* ialah sebuah analisis, ringkasan, serta komentar beliau terhadap kalam al-Ghazali dari *al-Ihyā'*. Menerusi *Muzakkirāt fi Manāzil al-Siddiqīn*, Sa'id Hawwa menukil kalam Ibn Atā'illah al-Sakandarī, penulis *al-Hikam al-Atā'iyyah*. Beliau mengolah teks dari kitab *al-Hikam* dengan laras bahasa yang lebih mudah untuk difahami orang ramai. Usaha ini tidak terhasil tanpa kefahaman yang mantap dalam ilmu tasawuf.

Azmil (2015) mendapati karya Sa'id Hawwa berasaskan kepada pemurnian semula cara umat Islam berinteraksi dengan ilmu tasawuf. Usaha ini adalah dengan mengintegrasikan amalan tasawuf dengan perspektif ilmu Islam lain disamping mengait wacana tasawuf dengan realiti semasa umat Islam. Penghasilan siri *Tarbiyah* adalah bukti sumbangan signifikan Sa'id Hawwa dalam ilmu tasawuf melalui pena penulisan (Azmil 2015).

Menurut Rumaizudin (2014), manhaj sufi Sa'id Hawwa ialah menampilkan tasawuf yang bebas tetapi berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah serta ikatan mazhab yang benar (Rumaizudin 2014). Pengkaji sependapat dengan dakwaan Haziyah (2014) yang menyifatkan Sa'id Hawwa seorang *mu'tadil* dalam sisi kesufian. Amalan kesufian berupa wirid, *halaqah* zikir, serta tarekat menjadi bahagian dari hidupnya. Isu rumit dalam dunia kesufian seperti *syatahat*, *karamah*, *maqamat* tidak menjadi fokus beliau. Perhatiannya terarah kepada mempersembahkan esensi tasawuf secara holistik tanpa campur aduk isu kontroversi seputar ilmu ini.

Sa'id Hawwa menekankan kepentingan dalam memahami konsep tasawuf yang sehati dengan sisi *harakah islamiyah* (Sa'id Hawwa 2009). Integrasi antara tasawuf dan perjuangan haraki menjadi keutamaannya. Terbukti, kelompok gerakan Islam yang kosong dari esensi sufi mendatangkan fitnah dan mudarat yang lebih besar kepada umat Islam. Manakala sufi yang tidak prihatin terhadap realiti umat Islam dianggap cuai oleh Sa'id Hawwa dalam memikul amanah sebagai muslim. Gagasan sufi haraki oleh beliau khususnya di era pasca kejatuhan sistem khalifah adalah solusi tepat dalam mendepani cabaran mendatang. Pengalaman serta sumbangan Sa'id

Hawwa dalam dunia kesufian melayakkan beliau digelar sebagai ahli sufi. Penyaksian sarjana lain terhadap kecenderungan Sa'id Hawwa dalam bidang ini mengukuhkan lagi nama beliau sebagai seorang sarjana beraliran sufi.

KESIMPULAN

Sa'id Hawwa diakui sebagai seorang sarjana Islam terkemuka abad ke-20. Dinamika antara mufassir sekaligus sufi haraki adalah dua nilai yang sukar didapati dalam seorang ulama. Tetapi, dua ciri besar ini terhimpun dalam diri Sa'id Hawwa. Beliau melalui kepakarannya dalam ilmu tafsir dan gagasannya dalam ilmu tasawuf mengangkat beliau sebagai tokoh yang amat bernilai khususnya di era ini. Teori kesatuan tema al-Quran dan revivalisme dalam bidang tasawwuf menyerlahkan lagi kehebatan beliau sebagai ilmuan Islam. Sa'id Hawwa selayaknya digelar seorang *mufassir* sekaligus sufi haraki yang membezakannya dari sarjana Islam lain sezaman dengannya.

Rujukan

- 'Abd al- 'Aziz al-Khatib al-Hasani. 1996. *Ghurur al-Shām Fi Tarājim Al al-Khatib al-Hasaniyyah Wa Mu'asiribim*. Dimashq: Dār Hasan.
- Aaron W.H. 2016. *The Sykes-Picot Agreement And The Making Of The Modern Middle East*. United Kingdom: The Conversation.
- Al-Mustashār, 'Abdullah al-Aqil. 2008. *Min A'lam al-Da'wah wa al-Harakah al-Islamiah al-Mu'asarah*. Cetakan Ke-7. Dar al-Bashir.
- al-Yāsīn, Jāsīm bin Muhammad bin Mahalhal al-Yāsīn. 2014. *Siāhab Fikriyyah fi Kitābat al-Nukhab al-Da'wiyah*. Cetakan Pertama. Kuwait: Mu'assasah al-Samahah Li al-Nashr Wa al-Tauzi'.
- Azmil Zainal Abidin. 2015. *Perspektif Tasawwuf Kontemporari: Analisis Terhadap Sumbangan Sa'id Hawwa*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Biger G. 2016. *Is The Sykes – Picot Agreement of 1916 Was The Basis For The Political Division Of The Middle East*. Journal of Geography, Politics and Society. Hal. 50-58.
- Che Zarrina & Sharifah Fatimah. 2014. *Implementasi Tasawwuf Dalam Penghayatan Rukun Islam Dan Pengaruhnya Kepada Penyucian Jiva (Tazkiyah al-Nafs) Menurut Sa'id Hanwa*. Bil. 20. MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa.
- Fadhil Hasan 'Abbas. 2016. *al-Tafsir wa al-Mufassirin Asasiyyatuhu wa al-Ittijabathu wa Manabijuhu fi al- 'Asr al-Hadis*. Cetakan Pertama. Jordan: Dar al-Nafais Li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Fahmi Irfani. 2015. *Pengaruh Ideologi Ikhwanul Muslimin Terhadap Penafsiran Sa'id Hawwa dalam tafsir al-Asas fi al-Tafsir (Telaah atas Surah al-Kahfi)*. Bandung: Fakultas Usuluddin, Universiti Islam Negeri Sunan Gunung Djati.
- Fildis A.T. 2011. *The Troubles in Syria: Spanned By French Divide And Rule*. Vol 18. No.4. Middle East Policy.
- Haziyah Hussin. 2014. *al-Manhaj al-Haraki fi Tafsir al-Sheikh Sa'id Hanwa: Dirasah Tabliah*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Imron Rosyadi. 2013. *Metodologi Penafsiran Sa'id Hanwa Dalam al-Asas fi al-Tafsir*. Surabaya: Program Pascasarjana, Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel.
- Itzchak Weismann. 1993. *Sa'id Hanwa: The Making Of A Radical Muslim Thinker In Modern Syria*. Vol. 29, No. 4. Middle Eastern Studies.
- Masyhuri Mas'ud. 2012. *Manhaj al-Da'wah fi Tafsir al-Sheikh Sa'id Hanwa*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mawaddah Baderun & Haziyah Hussin. 2016. *Sheikh Sa'id Hanwa: Latar Belakang dan Ketokohan dalam Bidang Pendidikan Islam*. Jurnal al-Hikmah 8(1).
- Mhd. Idris. 2019. *Karakteristik Kitab al-Asas fi al-Tafsir Karya Sa'id Hanwa*. Jurnal Ulunnuha Vol.8 No.1/Jun. Padang: Universiti Islam Negeri Imam Bonjol.
- Mohd. Rumaizuddin Ghazali. 2014. *Tasawwuf Menurut Perspektif Sa'id Hawwa Dengan Tumpuan Kepada Buku Tarbiyyatuna al-Rubiyah*. Al- 'Abqari Journal Vol. 4.2014: 115-143. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Pisol Mat Isa. 2000. *Jihad Politik: Suatu Analisis Pemikiran Sa'id Hanwa*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nor Azamudin Umar. 2004. *Sa'id Hanwa (1935-1989): Pemikiran Dakwah dan Kedudukannya Dalam Gerakan al-Ikhwan al-Muslimun di Syria*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nur Zainatul, Dayangku Zainab, Intan Farhana, Siti Marpuah. 2019. *Sumbangan Sheikh Sa'id Hawwa (1935-1989): Sorotan Anal Proses Tazkiyah al-Nafs Sebagai Wadah Pembersihan Jiva*. Vol. 01. No. 02. Teraju: Jurnal Syariah dan Hukum.

- Sa'id Hawwa. 1999. *Tarbiyyatuna al-Rubhiyyah*. Cetakan Ke-6. Kaherah: Dar al-Salām Li al-Tibā'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi' wa al-Tarjamah.
- Sa'id Hawwa. 2003. *al-Asās fi al-Tafsīr*. Cetakan Ke-6. Kaherah: Dar al-Salām Li al-Tibā'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi' wa al-Tarjamah.
- Sa'id Hawwa. 2009. *Hāzibī Tajribatī wa Hāzibī Shabādātī*. Cetakan Ke-2. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Septiawadi. 2010. *Penafsiran Sufistik Sa'id Hamwa Dalam al-Asās fi al-Tafsīr*. Jakarta: Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah.